

Pengetahuan Dan Kefahaman Agama Dalam Kalangan Belia Melayu Di Lembah Kelang

Religious Knowledge and Understanding among Malay Youth in Klang Valley

Mashitah Sulaiman¹, Mohd Azmir Mohd Nizah², Mohd Nazir Ahmad³, Marina Munira Abdul Mutalib⁴, Roslizawati Mohd Ramly⁵, Khatijah Othman⁶, Suhailiza Md. Hamdani⁷

ABSTRAK

Pengetahuan dalam aspek keagamaan atau kerohanian (*spiritual*) merupakan elemen asas yang menentukan kefahaman dan komitmen seseorang terhadap agama. Hubungan antara agama dan kesejahteraan hidup juga telah dibuktikan memberi implikasi yang positif dalam kehidupan manusia berdasarkan beberapa kajian yang lepas. Kertas kerja ini bertujuan menganalisis pengetahuan asas agama Islam dalam kalangan belia Melayu bandar di Lembah Kelang sebagai pusat perkembangan Kebangkitan Semula Islam. Perbincangan turut menganalisis kefahaman agama yang membentuk pemikiran golongan generasi muda ini terhadap agama dan kehidupan kerohanian. Seramai 470 responden belia terlibat dalam kaji selidik ini yang diedarkan secara rawak mudah di sekitar Lembah Kelang meliputi Kuala Lumpur dan enam daerah di Selangor. Belia Melayu dikategorikan mengikut tiga kohort utama, iaitu 15-20 tahun, 21-25 tahun dan 26-40 tahun. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman golongan belia di kawasan bandar yang berada pada tahap tinggi pada sesetengah dimensi yang melambangkan manifestasi aspek pemikiran agama (*religious thought*) dan kepercayaan (*religious belief*) dalam keagamaan Islam (*Islamic religiosity*) mereka. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara tahap pendidikan dan pemikiran keagamaan Islam. Hal yang demikian menunjukkan bahawa tahap pendidikan dan pendedahan kepada aktiviti agama memberi kesan terhadap pemikiran keagamaan.

Kata kunci: Pengetahuan agama, kefahaman, pemikiran, keagamaan Islam, belia Melayu.

ABSTRACT

Religious or spiritual knowledge is a basic element that determines an individual's understanding and commitment towards religion. The relationship between religion and life well-being has also proved to give positive implications to human life based on previous

¹ Center for Core Studies & Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, mashitah@usim.edu.my

² Center for Core Studies & Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, azmirnizah@usim.edu.my

³ Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia, mnazir794@salam.uitm.edu.my

⁴ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, marina.m@usim.edu.my

⁵ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, roslizawati@usim.edu.my

⁶ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, khatijah@usim.edu.my

⁷ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, suhailiza@usim.edu.my

studies. The arrival of Islam in the Malay world, especially in Malaysia has significant impacts in shaping the worldviews, thoughts, religious practices and lifestyle of the contemporary Malay society. Islamic Resurgence which is continuously progressing since the 1970s has restored the Malays' characters and thought which regards Islam as the way of life. It also contributes to the Malays' awareness on the objectives of life in its accurate sense. This paper aims to analyze the fundamental knowledge of Islam among Malay youths in the urban city of Klang Valley as the center of the development of Islamic Resurgence. The discussion also focuses on the religious beliefs that shape the thinking of these young generations which reflect their religious and spiritual life. A total of 470 respondents involved in the survey which were distributed randomly in the Klang Valley, which includes Kuala Lumpur and six districts of Selangor. The Malay youth is categorized according to three main cohorts, 15-20 years, 21-25 years and 26-40 years. The results showed the level of knowledge and understanding of the Malay youths in the urban areas on Islam which represent manifestations of their religious thought and faith in Islamic religiosity. The study also revealed a positive relationship between the level of education and Islamic thoughts.

Keywords: *Religious knowledge, understanding, thoughts, Islamic religiosity, Malay youth.*

Pendahuluan

Agama merupakan salah satu aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Agama dikatakan sebagai hanya salah satu aspek kehidupan di sini, kerana manusia dari sudut pandangan antropologi dan sosiologi, mempunyai aspek lain yang mempengaruhi kehidupannya seperti ekonomi, masyarakat, politik, keadaan psikologi dan emosi, kehidupan kekeluargaan dan sebagainya (The Religious Literacy Project., 2018). Namun begitu, kebanyakan sarjana (Beyers, J., 2017; Hordern, J., 2016; Al-Attas, S. M. N., 1972) berpendapat bahawa agama merupakan salah satu aspek atau elemen yang sangat berpengaruh atau mempunyai dampak ke atas kehidupan manusia.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu, khususnya di Malaysia memberi impak yang signifikan dalam pembentukan pandangan semesta, pemikiran, amalan agama dan gaya hidup masyarakat Melayu kontemporari. Era Kebangkitan Semula Islam yang bermula sejak tahun 1970-an telah mengembalikan semula watak dan wajah masyarakat Melayu dalam bentuk pemikiran Islam sebagai satu cara hidup dan kesedaran terhadap objektif hidup dalam erti kata yang sebenarnya (Azlan R. Yahaya, 2012; Roff, W. R., 2009; Noor, F., 2004; Mutalib, H., 1993; Mutalib, H., 1990; Mehmet, O., 1990; Muzaffar, C. , 1987 & 1986; Shamsul, A. B. 1983 & 2004; Othman, M. A., 1983; Funston, J., 1980). Setelah hampir lima dekad kesedaran

terhadap Islam dihidupkan semula melalui Kebangkitan Semula Islam, penilaian dan kajian terhadap perkembangan pembangunan Islam dalam kalangan generasi muda belia perlu dilakukan bagi melihat kesan yang signifikan daripada gelombang kesedaran agama ini terhadap golongan tersebut.

Sebagai subjek yang boleh dinilai secara luaran melalui pendekatan kuantitatif, elemen keagamaan atau *religiosity* Islam memerlukan pendekatan instrumen kajian yang bertepatan dengan kandungan menurut pakar pengajian Islam. Pengetahuan seseorang dalam aspek keagamaan yang dianuti (*spiritual*) menjadi asas kepada kefahaman, amalan agama secara praktikal dan komitmen seseorang terhadap agama. Oleh yang demikian, pengetahuan dan kefahaman agama sangat penting sebagai asas dalam keberkesanan pelaksanaan ibadah dalam Islam. Hubungan antara agama dan kesejahteraan hidup (*well-being*) juga telah terbukti memberi implikasi yang positif terhadap kehidupan manusia.

Kajian Literatur

Agama merupakan satu faktor penting dalam kehidupan manusia. Agama mempunyai pengaruh dan dampak yang besar ke atas nilai, perasaan, pemikiran, sikap dan tingkah laku manusia secara peribadi dan kehidupan manusia keseluruhannya (Safiek Mokhlis, 2009: 75-84; Yinger, 1970: vii). Pengaruh dan dampak yang diberikan oleh agama ke atas manusia dan kehidupannya bukanlah sesuatu yang sangat baru ditemukan dalam sejarah dunia dan ketamadunan manusia. Frederich Max Muller (1823-1900), yang juga merupakan antara sarjana ilmu kajian agama yang sangat berprolifik menjelaskan dalam syarahan berjudul '*The Hibbert Lectures*' pada tahun 1878:

Agama bukanlah suatu penemuan yang baru. Biarpun ianya tidak setua dunia yang tidak kita ketahui, tetapi ia adalah setua dunia yang kita ketahui. Sesudah sahaja kita mengetahui hampir semua pemikiran dan perasaan manusia, kita mendapati bahawa manusia memiliki agama atau agama yang memilikinya. Dokumen-dokumen tulisan tertua hampir kesemuanya di setiap tempat adalah bersifat keagamaan. "Dunia kita," seperti yang dikatakan oleh Herder (Johann Gottfried von Herder, ahli sejarah, falsafah dan teologi bangsa Jerman yang lahir tahun 1744 dan meninggal tahun 1803), "meminjam benih semua kebudayaan yang lebih tinggi daripada tradisi keagamaan, sama ada tulisan atau lisan" (Muller, 1901: 4)

Pengukuran Aspek Keagamaan

Sebagai subjek yang boleh diukur mengikut pengukuran secara kuantitatif, aspek keagamaan (*religiosity*) boleh ditakrifkan dan dikonseptualkan mengikut dimensinya. Kebanyakan sarjana (G. H. Mueller, 1980; D.M. Wulff, 1997; Y. F. Ho David, T. H. Ho. Rainbow, 2007; Safiek Mokhlis, 2009) meletakkan tiga huraian bagi istilah keagamaan (*religiosity*). Pertama, keagamaan adalah suatu kuasa luar biasa yang memerlukan tindak balas individu. Kedua, keagamaan juga merujuk kepada perasaan dalaman individu yang mengandungi kuasa. Ketiga, amalan ritual dijalankan berkenaan dengan kuasa tersebut. Ketiga-tiga takrifan ini menjadi panduan kepada sarjana dalam menentukan dimensi keagamaan yang digunakan untuk mengukur aspek keagamaan (D.M. Wulff, 1997).

Mengikut amalan kebiasaannya melalui kaedah secara konservatif, keagamaan dikonseptualkan menggunakan konstruk uni-dimensi, seperti melihat kehadiran ke gereja sebagai ukuran asas (A. Bergan, 2001: 23-34). Walau bagaimanapun, sejak mutakhir ini pendekatan pelbagai-dimensi telah digunakan dan diiktiraf oleh kebanyakan penyelidik bagi memahami dengan lebih tepat dan menyeluruh mengenai kepentingan pelbagai-bentuk dimensi keagamaan (Safiek Mokhlis, 2009: 77).

Dari segi sejarahnya, pendekatan pelbagai dimensi digunakan bagi mengukur keagamaan (*religiosity*). Sejak tahun 1959, Charles Glock menggunakan konstruk yang digunakan oleh Hall (1891), Starbuck (1899) dan Luba (1912, 1925) yang membezakan antara kepercayaan agama (sebagai kategori teras) dengan tingkah laku beragama (moral), amalan (*ritual*) dan perasaan (emosi). Glocks membahagikan semula keagamaan (*religiosity*) kepada empat dimensi, iaitu eksperimen (perasaan), ritual (amalan), ideologi (kepercayaan) dan kesan (perbuatan) dimensi. Beliau menambah satu dimensi, iaitu intelek (pengetahuan), yang pada asalnya dicipta oleh Fukuyama pada tahun 1961 (Mueller, G. H. 1980: pp. 1-24).

Fukuyama pula memperkenalkan dimensi baru, iaitu kognitif, pemujaan (amalan), dimensi pengakuan dan kebaktian. Dua daripada dimensi yang diperkenalkan oleh Fukuyama iaitu, pengakuan dan pemujaan telah diambil daripada kategori yang diperkenalkan oleh Fishter tentang keagamaan (*religiosity*), iaitu komunikasi sosial, fahaman, tingkah laku dan gaya hidup. Kemudian, Glock dan Starck memasukkan dimensi kepercayaan, amalan,

pengetahuan dan pengalaman sebagai dimensi keagamaan dan menggugurkan kesan (consequential) (Glock, C. & Stark, R., 1965; Glock, C. & Stark, R., 1968).

Selain itu, Verbit dalam kajian yang dilakukan pada tahun 1970-an pula memperkenalkan enam dimensi keagamaan: iaitu, emosi, pengetahuan, ritual, etika, doktrin dan masyarakat (G. H. Mueller, 1980: 2). David Y. F. Ho dan Rainbow T. H. Ho meletakkan konsep keagamaan berdasarkan 3 domain: iaitu, kepercayaan, perasaan dan amalan (Y. F. Ho David, T. H. Ho. Rainbow, 2007: 62-74.). Berdasarkan dimensi yang diperkenalkan oleh sarjana, kajian terkini banyak menggunakan dimensi di atas untuk menentukan corak dan aliran keagamaan dalam kalangan pelbagai kumpulan dalam masyarakat.

Rajah 1.1 Perbandingan Dimensi Keagamaan dalam Kajian Religiosity

	Cognitive		Affective		Behavioral		Peripheral
	Traditional Orthodoxy	Particularistic Orthodoxy	Spiritual Commitment	Church Commitment	Religious Behavior	Religious Participation	
Lenski, 1961	Doctrinal Orthodoxy				Devotionalism	Associational Involvement	Communal Involvement
Glock, 1962	Ideological				RITUALISTIC		Consequential, Intellectual, Experiential
Stark & Glock, 1968	Orthodoxy	Particularism			Devotionalism	Ritual Involvement	Religious Knowledge, Religious Experience, Communal Involvement, Ethicalism
Fukuyama, 1961	Creedal				Devotional	Cultic	Cognitive
Faulkner & DeJong, 1966	Ideological				RITUALISTIC		Experiential, Consequential
King & Hunt, 1972a, 1972b, 1975	Creedal Assent		Salience: Cognition		Orientation to growth & striving Salience: Behavior Devotional	Church attendance Organizational activity Financial support Active Regulars	Religious Despair, Cognitive Style (3 scales)
Davidson, 1975	Vertical Belief				Private Practice	Public Practice	Consequential, Religious Knowledge, Intellectual Scrutiny, Religious Experience, Horizontal Belief
Mueller, 1980	Ideology		Transcendental Faith		Morality	Solidarity	
Verbit, 1970	Doctrines		Emotion		Ritual	Community	Ethics
Roof, 1980	Orthodoxy		Importance of Faith		Devotionalism	Church Activity Church Attendance	Congregational Friendships

Hasil kajian terkini juga menunjukkan bahawa penyertaan dalam agama atau penglibatan dalam aktiviti-aktiviti keagamaan sering kali memberi input positif kepada manusia, seperti agama berperanan sebagai sumber nilai, makna kepada hidup, galakan, sokongan, dan mengawal selia tingkah laku, menangani masalah dan menyesuaikan diri (Ventis, W. Larry., 1995: 33-48; Pargament, Kenneth I. & Park, Crystal L. 1995: 13-32; Chamberlain, Kerry., & Zika, Sheryl., 1992: 138-148; Gorsuch, Richard., 1988: 201-221).

Pelbagai percubaan dilakukan untuk membina instrumen untuk mengukur tahap (*religiosity*) keagamaan Islam. Sebagai contoh, pada tahun 1997, Wilde dan Yusuf cuba membangunkan instrument pengukuran keagamaan Islam yang dinamakan sebagai, “Muslim Attitudes towards Religion Scale” (MARS). Walau bagaimanapun, mereka hanya memberi penekanan kepada aspek psikologi sikap manusia dan dimensi pengalaman bukan pada kepercayaan dan amalan-amalan Islam yang sebenar (Wilde, A. & Joseph, S. 1997: 800–900).

Pada tahun 1998, Abdul Aziz Abdur Rahman AlBelaikhi mengemukakan kajian beliau bertujuan untuk pembinaan skala baru untuk mengukur keagamaan Islam. Sampel kajian terdiri daripada 169 (108 lelaki, 61 perempuan) pelajar Kolej Muslim Arab Saudi. Enam dimensi keagamaan Islam iaitu, amalan agama, nilai kemasyarakatan agama, kepercayaan dalam rukun Iman, keperluan individu kepada agama, kebergantungan kepada panduan hidup yang praktikal dan penerimaan tanpa soal dikenalpasti. Kajian ini mendapati bahawa pelajar jurusan pengajian Islam lebih beragama berbanding pelajar yang mengambil jurusan Sastera dan Kemanusiaan. Kajian ini juga mendapati bahawa responden perempuan secara puratanya lebih beragama berbanding lelaki (AbdulAziz Abdurrahman AlBelaikhi, 1997). Di samping itu, Puente juga cuba untuk mencadangkan satu manifestasi keagamaan Islam, tetapi hanya terhad kepada doa kepada Nabi Muhammad yang dipanggil sebagai *tasliya (doa)* sahaja (Puente, Cristina de La. 1999: 121).

Usaha Wilde, Yusuf, Abdul Aziz dan Puente dalam memahami keagamaan dalam Islam kemudian diteruskan oleh ahli sains sosial Islam seperti, Nizar al Ta’i dan Ibrahim al Sani. Mereka cuba untuk mengesan dimensi keagamaan Islam dan membina skala menyeluruh dalam hasil kajian mereka (Nizar al Ta’i, 1985; Ibrahim al Sani’, 1993). Dengan sejumlah enam puluh atau lebih item keagamaan individu, kajian ini mendapati bahawa dua dimensi yang saling berkaitan, iaitu, dimensi kepercayaan dan kelakuan individu. Abdullah H.M. Al-Khalifah juga digunakan dimensi yang sama dalam kajian beliau (Abdullah H.M. Al-Khalifah, 1994: 1-12).

Usaha untuk membangunkan instrumen pengukuran keagamaan Islam yang lebih komprehensif dilakukan oleh Tiliouine dan Belgoumidi. Selain mengekalkan dimensi yang diperkenalkan oleh pengkaji sebelumnya, iaitu kepercayaan agama dan amalan agama, dua dimensi tambahan iaitu, pengorbanan dan pengayaan agama (*religious enrichment*) telah

dicadangkan. Berpandukan keempat-empat dimensi tersebut, Tiliouine dan Belgoumidi menamakan alat pengukuran tersebut sebagai sebagai “Pengukuran Keagamaan Islam yang Komprehensif” (CMIR), skala yang direka khas untuk mengukur keagamaan Islam. CMIR terdiri daripada empat "domain" atau dimensi, iaitu Kepercayaan Agama, Amalan Agama, Altruisme Agama, dan Pengayaan Agama. Kepercayaan Agama terdiri daripada 17 item yang berkaitan dengan subjek iman, seperti beriman kepada Allah (Allah SWT), Nabi, Hari kiamat, neraka, syurga dan kitab suci (Habib Tiliouine and Abbes Belgoumidi, 2009: 109-127).

Takrifan Belia di Malaysia

Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 mentakrifkan belia sebagai mereka yang berumur antara 15-40 tahun (Norizan Sharif, 2003), manakala klasifikasi belia oleh Azimi Hamzah et. al. (2007), adalah di antara umur 15-35 tahun sahaja dengan pembahagian tiga kumpulan umur, iaitu awal belia (15-20), pertengahan belia (21-24) dan akhir belia (25-35). Manakala Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) membuat pindaan terhadap takrifan umur belia kepada 15 hingga 30 tahun sebagai intipati penting dalam perubahan dan penambahbaikan, seiring dengan keperluan semasa belia. Namun begitu, takrifan ini hanya terpakai sepenuhnya pada tahun 2018 (Lilis Suriani Omar, *Utusan Malaysia*, 18 November 2014). Oleh yang demikian, kertas kerja dan kajian ini memberi fokus kepada golongan belia dalam lingkungan umur awal belia sehingga akhir, iaitu kadar umur di antara (15-40) tahun berdasarkan had umur seperti mana ditetapkan oleh Dasar Pembangunan Belia Negara, iaitu golongan belia Melayu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun.

Agama dalam Kehidupan Belia

Golongan belia adalah golongan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat dan negara pada masa hadapan. Belia juga merupakan golongan yang mempunyai bilangan yang secara signifikannya ramai (Jabatan Statistik Malaysia, 2015). Seharusnya generasi muda ini mempunyai satu kehidupan yang mempunyai hala tuju baik untuk diri sendiri dan sebagai warganegara Malaysia. Merujuk Swee (2007), belia yang umurnya antara 15-29 tahun mewakili 26.3% daripada keseluruhan jumlah penduduk pada tahun 2015. Populasi belia merupakan kumpulan paling dominan pada tahun 2020. Unjuran statistik pada tahun 2000 menggambarkan peningkatan belia berumur bawah 40 tahun adalah tinggi sehingga

mencecah 50.0% pertambahannya dan mereka akan mewakili dua pertiga Malaysia (31 juta belia), manakala proposi kumpulan belia yang berumur 15 hingga 24 tahun adalah sekitar satu pertiga (10 juta - anggaran unjuran berdasarkan statistik tahun 2000), 75 peratus berumur bawah 40 yang mewakili 16.5 juta daripada 22 juta rakyat Malaysia (Azimi Hamzah & Zanariah Mohd Nor, 2007).

Statistik pada tahun 2015 merekodkan bahawa jumlah belia di Malaysia seramai 13.88 juta yang mewakili 45.8% daripada 30.26 juta penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut seramai 7.26 juta (52%) merupakan belia lelaki dan 6.62 juta (48%) belia adalah wanita (Jabatan Statistik Malaysia, 2015). Dengan peratusan jumlah belia yang tinggi, hal yang demikian bermakna belia merupakan aset utama dalam menentukan arah tuju dan kejayaan negara menjelang tahun 2020 (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2015: 16). Oleh itu, halatuju masa depan dan segala perilaku serta aktiviti golongan belia ini akan memberi impak yang sangat besar terhadap pembangunan masyarakat dan negara dalam konteks masyarakat berbilang kaum, pelbagai latar belakang agama dan budaya di Malaysia. Salah satu perkara asas yang paling penting dalam pembangunan belia ialah aspek kepercayaan dan pengetahuan agama serta kefahaman terhadap ajaran agama yang dianuti dalam membentuk pemikiran dan keperibadian mereka.

Tahap penghayatan dan kefahaman agama dalam kalangan belia dipengaruhi oleh faktor tempat atau persekitaran. Kajian yang dilakukan di Barat mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tempat dan tahap *religiosity* remaja (Stump, R.W. 1986: 208-255; Chalfant, P. H. & Peter, H.L. 1991: 76-86). Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Krauss dan Azimi (2005) terhadap belia Islam di Malaysia yang tinggal di bandar dan luar bandar juga mendapati bahawa tahap keagamaan (*religiosity*) belia luar bandar adalah lebih tinggi berbanding daripada belia yang tinggal di bandar. Menurut Krauss dan Azimi, perbezaan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor modenisasi yang membawa pengaruh dan budaya barat yang berlaku di kawasan bandar berbanding di luar bandar.

Di Malaysia, laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2003 dan statistik daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan penglibatan dalam gejala sosial bermula seawal umur 10 tahun. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh PDRM, sebanyak 76,403 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun tersebut di seluruh Malaysia, iaitu melibatkan jenayah berbentuk kekerasan dan jenayah harta benda.

Apa yang menyedihkan belia kini jahil mengenai kewajipan terhadap agama kerana tidak mempunyai pengetahuan dan pengamalan agama yang sempurna. Masalah ini disebabkan ibu-bapa mereka juga tidak melaksanakan suruhan agama di rumah, jahil al-Quran dan tidak memandang serius hal-hal berkenaan agama. Malah yang lebih kritikal ialah ada antara mereka yang mempunyai pengetahuan agama tetapi tidak mengamalkannya. Kesannya adalah anak-anak mereka mengambil sikap sambil lewa terhadap agama (Zawawi Ahmad, 1984).

Masalah keruntuhan akhlak belia menurut perspektif Islam antaranya berpunca daripada akhlak dalaman seseorang yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT. Dalam erti kata lain, konsep ibadah dan ketaatan kepada perintah agama dapat membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia. Ini kerana akhlak yang mulia sebenarnya terbit dan merupakan cerminan daripada kesucian rohani seseorang terhadap Allah SWT (Tajul Ariffin Nordin, 1997).

Menurut Starawarji, sekiranya kita ingin meneliti dan mempelajari perkembangan perasaan agama pada remaja atau belia, kita tidak dapat mengabaikan faktor-faktor terpenting dalam pertumbuhan remaja dan belia itu, antara lain ialah unsur-unsur pertumbuhan mental remaja (Starawarji, 2009). Hal yang demikian adalah penting kerana pemikiran beragama, dasar dan prinsip keyakinan serta ajaran asas agama, pada dasarnya diterima oleh seseorang sejak dari kecil lagi. Ajaran asas agama yang diterima semasa kecil akan berkembang, bertambah subur dan semakin mantap apabila anak atau belia berpegang kepada prinsip dalam agama dan tidak mudah dipengaruhi oleh ajaran ajaran sesat atau penyelewengan terhadap agama tersebut. Apa yang berkembang dan diasuh sejak kecil akan menjadi keyakinan yang dipegangnya melalui pengalaman spir yang mitual yang mereka alami atau rasai.

Objektif Kajian

Kertas kerja ini bertujuan menganalisis pengetahuan asas agama Islam dalam kalangan belia Melayu bandar, khususnya di Lembah Kelang sebagai pusat perkembangan Kebangkitan Semula Islam di Malaysia. Perbincangan turut menganalisis kefahaman yang membentuk pemikiran golongan generasi muda Melayu ini terhadap agama dan kehidupan kerohanian, khususnya Islam sebagai cara hidup yang sempurna. Kertas kerja ini juga membincangkan

hubungan antara status ekonomi dan pendidikan dengan item pengetahuan dan kefahaman pemikiran agama belia Melayu di kawasan bandar iaitu Lembah Kelang.

Metodologi Kajian

Seramai 8,691,996 orang populasi belia berbilang kaum dikenalpasti terdapat di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,657,189 orang terdiri daripada belia Melayu, 2,214,353 belia Cina dan seramai 820,454 orang belia India (Jabatan Statistik Malaysia, 2010). Di Malaysia, jumlah populasi belia berbilang kaum paling tinggi dicatatkan di tiga buah negeri, iaitu Selangor, Johor dan Perak. Sementara negeri Kedah, Kelantan dan Pahang memperlihatkan populasi belia Melayu mendominasi corak pecahan penduduk. Walau bagaimanapun, bagi populasi belia seluruh Semenanjung Malaysia masih memperlihatkan kaum Melayu mendominasi taburan penduduk diikuti dengan Cina dan India dalam nisbah 65:25:10 (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016: 188). Pemilihan belia Melayu sebagai sampel kajian berbanding kaum lain adalah berdasarkan dominasi etnik tersebut dalam taburan populasi belia di Malaysia.

Kajian ini tertumpu kepada golongan belia Melayu di sekitar lembah Kelang memandangkan kawasan ini merupakan kawasan yang mempunyai populasi penduduk yang padat dan mengalami pembangunan yang pesat dari segi infrastruktur dan arus pemodenan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan persampelan rawak mudah "*simple random sampling*" kepada golongan belia Melayu yang berada di sekolah menengah, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta, belia yang bergiat aktif dalam pertubuhan belia bukan kerajaan (NGO) dan yang bekerja dalam pelbagai sektor perkhidmatan awam mahupun swasta serta pekerja kilang.

Selangor mencatatkan sejumlah 1,351,311 orang belia Melayu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan seramai 335,431 belia Melayu (Jabatan Statistik Malaysia, 2010). Penetapan saiz sampel dilakukan berdasarkan kepada pandangan Krejcie dan Morgan (1970) serta Sekaran (2003). Menurut Cohen (1969), Krejcie dan Morgan (1970: 607-610), Azimi Hamzah et.al. (2007: 52), dan juga Uma Sekaran dan Roger Bougie (2009), sekiranya jumlah populasi sesebuah kawasan melebihi 100,000, maka saiz sampel yang ideal adalah seramai 384. Oleh itu, saiz sampel sekurang-kurangnya 384 diperlukan untuk sampel keseluruhan.

Salkind (2006: 94) berpendapat bahawa sekiranya saiz sampel lebih besar, maka ralat persampelan akan lebih mengecil dan dengan itu data tersebut dapat mewakili penduduk. Isaac dan Micheal juga menyokong pendapat ini dengan menyatakan bahawa saiz sampel yang besar adalah penting apabila jumlah sampel dibahagikan kepada sub-sampel (*to be subdivided into sub-samples*) untuk dibandingkan dengan yang lain. Mereka juga menambah bahawa terdapat risiko ketinggalan (*miss*) atau memberi gambaran yang salah terhadap perbezaan tersebut, apabila populasi induk terdiri daripada pelbagai jenis pembolehubah dan ciri-ciri (*variables and characteristics*) (Mashitah Sulaiman, 2016). Oleh itu, jumlah maksimum seramai 500 orang diperlukan dengan mengambil kira kecukupan sampel untuk menganalisis data secara inferensi (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016: 188).

Seramai 470 responden belia terlibat dalam kajian ini. Borang kaji selidik diedarkan secara rawak mudah di sekitar Lembah Kelang mengikut zon meliputi Kuala Lumpur dan enam daerah di Selangor, iaitu Gombak (utara), Hulu Langat (timur), Klang dan Petaling (barat), Kuala Langat dan Sepang (selatan). Golongan belia Melayu di Lembah Kelang dikategorikan mengikut tiga *cohort* utama, iaitu 15-20 tahun, 21-25 tahun dan 26-40 tahun.

Lembah Klang mempunyai lebih 6 juta penduduk, dan merupakan pusat pentadbiran utama, perniagaan dan industri di Malaysia (Jabatan Statistik Malaysia, 2010). Antara bandar-bandar utama yang terdapat di Lembah Klang ialah Kuala Lumpur, Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Puchong, Klang, Pelabuhan Klang, Ampang, Gombak, Selayang, Cheras, Rawang dan lain-lain.

Indeks Pengetahuan dan Kefahaman Islam

Sebanyak 14 pernyataan dinyatakan di bahagian (domain) pemikiran agama, iaitu 7 item dalam sub-domain pengetahuan dalam Aqidah Islam dan 7 item dalam kefahaman Islam. Interpretasi skor responden dalam keseluruhan sub-domain pengetahuan dan kefahaman Islam dikira dan dikategorikan berdasarkan skala di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Respon Responden Mengikut Skala

Nilai Min	Interpretasi
3.67 – 5.00	Tinggi/Baik
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Dapatan Kajian

Jadual 2 menunjukkan taburan responden Belia Melayu di Lembah Kelang mengikut zon, iaitu, zon tengah diwakili oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala, enam daerah di Selangor, mewakili utara Lembah Kelang, seperti Gombak, timur Lembah Kelang, iaitu Hulu Langat, barat Lembah Kelang, seperti Klang dan Petaling. Sementara itu, bahagian selatan Lembah Kelang meliputi kawasan Kuala Langat dan Sepang. Sebahagian besar belia Melayu, iaitu 58% (273) responden berumur antara 26-40 tahun. Sementara 35.7% (168) responden berumur antara 21-25 tahun. Hanya 6.2% (29) responden berumur antara 15-20 tahun.

Jadual 2: Taburan Belia Melayu Mengikut Umur dan Zon

Tempat Tinggal		Umur (Kohot)		
Zon	Daerah	15-20	21-25	26-40
Tengah (Pusat)	Kuala Lumpur	7	68	86
Utara	Gombak	2	22	25
Timur	Hulu Langat	9	23	59
Barat	Klang	7	19	39
	Petaling	3	25	30
Selatan	Kuala Langat	-	5	21
	Sepang	1	6	13
Jumlah		29	168	273
JUMLAH KESELURUHAN		470		

Jadual 3: Pengetahuan Belia Melayu tentang Aqidah Islam

Aqidah Islam	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Min
Kepada Allah tempat bergantung dalam semua keadaan iaitu, susah dan senang	410 87.2%	45 9.6%	7 1.5%	3 0.6%	5 1.1%	4.8
Malaikat yang merekodkan amalan manusia akan mengekori kemana sahaja mereka pergi	403 85.8%	55 11.7%	8 1.7%	2 0.4%	2 0.4%	4.8
Menzahirkan kecintaan kepada Rasullullah SAW dengan cara mengamalkan segala aspek daripada Sunnah	394 83.8%	59 12.6%	14 3%	2 0.4%	1 0.2%	4.7
Al-Quran dan As Sunnah sentiasa menjadi pegangan hidup saya	409 87%	50 10.6%	7 1.5%	2 0.4%	2 0.4%	4.8
Segala yang dilakukan oleh manusia di dunia akan dihakimi oleh Allah SWT di akhirat kelak	400 85.1%	21 4.5%	7 1.5%	3 0.6%	1 0.2%	4.5
Segala yang berlaku di dunia tiada langsung kaitan dengan ketentuan Allah SWT	30 6.4%	14 3%	18 3.8%	49 10.4%	355 75.5%	4.4
Tragedi dan musibah yang menimpa manusia adalah ujian daripada Allah SWT	404 86%	52 11.1%	6 1.3%	5 1.1%	2 0.4%	4.8
Purata Min	74.5%	8.8%	2%	0.02%	0.11%	4.7

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan dan kefahaman golongan belia Melayu di kawasan urban Lembah Kelang. Dalam aspek pengetahuan terhadap Aqidah Islam, khususnya Rukun Iman, responden menunjukkan tahap pengetahuan yang secara signifikannya tinggi dalam kenyataan berhubung kepercayaan kepada Allah SWT, al-Quran dan al-Sunnah, Malaikat, hari pembalasan dan kepercayaan kepada Qada' dan Qadar. Dengan purata min masing-masing antara 4.8, 4.7 dan 4.5, peratusan yang sangat bersetuju juga tinggi, iaitu antara 87.2% hingga 83.8%. Walau bagaimanapun, seramai 75.5% atau 355 responden yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan "segala yang berlaku di dunia tiada langsung kaitan dengan ketentuan Allah SWT" yang menyentuh tentang kepercayaan kepada Qada' dan Qadar tentang kekuasaan dan keesaan Allah SWT. Min dalam kenyataan ini juga menghampiri julat sederhana. Walaupun purata

tahap pengetahuan belia Melayu dalam Aqidah Islam secara relatifnya tinggi, namun pencapaian tahap kefahaman mereka dalam aspek pemikiran Islam dalam beberapa soalan berkaitan politik dan amalan demokrasi berada pada tahap sederhana.

Jadual 4: Kefahaman dalam Pemikiran Islam (*Thought*) Belia Melayu Lembah Kelang

Pemikiran Agama	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Min
Nilai-nilai Islam boleh diamalkan di semua situasi, tempat dan masa serta dalam menangani isu masyarakat majmuk	277 58.9%	158 33.6%	28 6%	6 1.3%	1 0.2%	4.5
Islam memberi makna dan objektif dalam kehidupan saya	385 82%	76 16.1%	7 1.5%	1 0.2%	1 0.2%	4.7
Agama perlu dipisahkan daripada kehidupan politik Negara	55 11.7%	30 6.4%	74 15.7%	77 16.4%	234 49.8%	3.6
Seseorang yang berpegang kepada agama akan mengalami kesukaran untuk berjaya dalam dunia moden	16 3.4%	15 3.2%	24 5.1%	72 15.3%	342 72.8%	4.5
Demokrasi boleh digunakan sebagai wasilah untuk memartabatkan Islam	103 21.9%	189 40.2%	129 27.5%	24 5.1%	25 5.3%	3.6
Aspek keagamaan penting kepada saya sebagai penyelesaian untuk berhadapan dengan cabaran dan perubahan zaman moden	318 67.7%	123 26.2%	20 4.3%	3 0.6%	5 1.1%	4.5
Untuk membangun, orang Islam tidak perlu mengikut ajaran Islam keseluruhannya	9 2.1%	12 2.6%	17 4%	59 12.6%	371 78.9%	4.6

Kebanyakan responden menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi dalam aspek pemikiran Islam dalam konteks semasa. Sebanyak 82% (385) belia Melayu sangat bersetuju bahawa Islam memberi makna dan objektif dalam kehidupan saya dan min mencapai 4.7. Kenyataan ini disokong dengan tahap kefahaman responden yang signifikannya tinggi dalam kenyataan “aspek keagamaan penting kepada saya sebagai penyelesaian untuk berhadapan dengan cabaran dan perubahan zaman moden” (67.7% sangat bersetuju dengan skor min sebanyak 4.5). Golongan belia di Lembah Kelang juga menunjukkan tahap kefahaman yang

tinggi dalam konteks aplikasi pemikiran Islam pada zaman kontemporeri dalam tiga kenyataan, iaitu, “untuk membangun, orang Islam tidak perlu mengikut ajaran Islam keseluruhannya” (78.9% sangat tidak bersetuju dengan skor min 4.6); “seseorang yang berpegang kepada agama akan mengalami kesukaran untuk berjaya dalam dunia moden” (72.8% sangat tidak bersetuju dengan skor min sebanyak 4.5); “nilai-nilai Islam boleh diamalkan di semua situasi, tempat dan masa serta dalam menangani isu masyarakat majmuk” (58.9% sangat bersetuju dengan skor min sebanyak 4.5). Walaupun jumlah yang sangat bersetuju dalam kenyataan “nilai-nilai Islam boleh diamalkan di semua situasi, tempat dan masa serta dalam menangani isu masyarakat majmuk” sedikit rendah (58.9%) berbanding kenyataan yang lain, namun kenyataan ini diimbangi dengan peratus yang bersetuju yang tinggi, iaitu sebanyak 33.6%.

Sejumlah besar belia Melayu di Lembah Kelang tidak begitu yakin dengan amalan demokrasi sebagai wasilah untuk memartabatkan Islam. Sebanyak 27.5% (129) responden tidak pasti dengan kenyataan ini yang menyumbang kepada jumlah min yang rendah, iaitu 3.6. Dalam satu lagi kenyataan yang menyentuh tentang “agama perlu dipisahkan daripada kehidupan politik negara”, peratus responden yang tidak pasti juga tinggi, iaitu 15.7% (74 responden). Namun begitu, hampir sebahagian responden 49.8% tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Dapatan di atas melambangkan manifestasi aspek pemikiran agama (*religious thought*) responden dalam keagamaan Islam (*Islamic religiosity*), secara khusus dalam pengetahuan tentang kepercayaan terhadap aqidah Islam atau Rukun Iman (*religious belief*) dan kefahaman dalam pemikiran Islam. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara tahap pendidikan dan pemikiran keagamaan Islam.

Korelasi Pearson juga mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap pendidikan dan status kedudukan dalam masyarakat (kelas sosial), $r = .533$, $p < .001$. Ujian *Pearson Correlation Coefficient* mendapati terdapat hubungan yang signifikan dalam skor pemikiran keagamaan (*Islamic thoughts*) dan tahap pendidikan ($r = .251$, $p < .001$), dan antara skor dalam pemikiran keagamaan dan status kelas masyarakat (*social class*) ($r = .170$, $p < .001$). Skor dalam pemikiran Islam juga berhubung secara positif dengan kekerapan responden menghadiri pertemuan dan perhimpunan ilmu seperti *usrah*, ceramah, atau kelas agama yang diadakan di tempat tinggal mereka ($r = .192$, $p < .001$).

Dapatan menunjukkan bahawa tahap pendidikan, pendapatan isi rumah dan kecenderungan menghadiri kelas agama, ceramah atau *usrah* dan program media elektronik berunsur Islam amat bermakna dalam membentuk pemikiran Islam dalam kalangan belia di Lembah Kelang. Dapatan ini sedikit berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Krauss dan Azimi (2005) terhadap belia Islam di Malaysia yang tinggal di bandar dan luar bandar yang mendapati bahawa tahap keagamaan (*religiosity*) belia luar bandar adalah lebih tinggi berbanding daripada belia yang tinggal di bandar. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa bukan semua belia yang tinggal di bandar mempunyai tahap keagamaan yang rendah. Selain faktor modenisasi yang membawa pengaruh dan budaya barat yang berlaku di kawasan bandar berbanding di luar bandar, faktor kemiskinan bandar dalam kalangan belia dari keluarga berpendapatan rendah turut menyumbang kepada tahap pengetahuan dan kefahaman agama yang rendah (Mashitah, 2016).

Kesimpulan

Agama memainkan peranan yang penting dalam membentuk pandangan semesta dan budaya hidup seseorang individu dan masyarakatnya. Agama tidak hanya sebagai satu pegangan kepercayaan atau amalan yang bersifat ritual, malahan ia juga merupakan satu sistem hidup yang mengatur kehidupan dalam menentukan matlamat hidup sama ada di dunia mahupun kehidupan selepas mati. Walaupun purata tahap pengetahuan belia Melayu dalam Aqidah Islam secara relatifnya tinggi, namun pencapaian tahap kefahaman mereka dalam aspek pemikiran Islam dalam beberapa soalan berkaitan politik dan amalan demokrasi berada pada tahap sederhana. Kebanyakan responden belia menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi dalam aspek pemikiran Islam dalam konteks semasa. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pendidikan, pendapatan isi rumah dan kecenderungan menghadiri kelas agama, ceramah atau *usrah* dan program media elektronik berunsur Islam amat bermakna dalam membentuk pemikiran Islam dalam kalangan belia di Lembah Kelang. Dapatan dalam perbincangan di atas mengupas pandangan belia terhadap pengetahuan dan kefahaman agama dalam konteks pemikiran dan penghayatan terhadap ajaran Islam. Ringkasnya, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya merangkumi kepercayaan sahaja tanpa kefahaman dan amalan. Malah begitu juga sebaliknya, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya hanya melibatkan tindakan atau amalan sahaja tanpa sebarang kepercayaan yang mendasari prinsip agama yang dianuti.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia di atas pembiayaan kajian dan kertas kerja ini atas kod penyelidikan (PPP/USG-0216/FKP/30/19116).

Bibliografi

- AbdulAziz Abdurrahman AlBelaikhi. (1997). 'Development of a Muslim Religiosity Scale'. PhD Thesis, University of Rhose Island.
- Abdullah H.M. Al-Khalifah. (1994). 'Religiosity in Islam as a Protective Mechanism against Criminal Temptation'. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 11(1), pp. 1-12.
- Al-Attas, S. M. N. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu [Islam In Malay History And Culture]*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azimi Hamzah & Zanariah Mohd Nor. (2007). Kesediaan Belia Sebagai Tunggak Negara Maju, Laporan Penyelidikan, Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional, Universiti Putra Malaysia.
- Azimi Hamzah et al. 2007. *Muslim Religiosity & Personality Assessment: Prototype for Nation Building*. Serdang: Institute for Social Science Studies (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Azlan R. Yahaya. (2012). Islam Hadhari: An Ideological Discourse Analysis of Selected Speeches by UMNO President and Malaysia Prime Minister Abdullah Ahmad Badawi. PhD Thesis, Ohio University.
- Bergan, A. (2001). 'Religiosity and Life Satisfaction'. *Activities, Adaptation & Aging*, 24 (3), pp. 23-34.
- Beyers, J. (2017). Religion and Culture: Revisiting a Close Relative'. *HTS Theologies Studies/Theological Studies* 73(1), a3864. <https://doi.org/10.4102/hts.v73i1.3864>; <http://www.scielo.org.za/pdf/hts/v73n1/10.pdf>.
- Chalfant, Paul H. & Peter, Heller L. (1991). "Rural/Urban Versus Regional Differences in Religiosity," *Review of Religious Research*, 33 (1), pp. 76-86.
- Chamberlain, Kerry and Zika, Sheryl. (1992). 'Religiosity, Meaning in Life, and Psychological Well-Being', In Schumaker, John F. (editor), *Religion and Mental Health*, New York: Oxford University Press, pp. 138-148.
- David, Y. F. Ho., Rainbow, T. H. Ho. (2007). 'Measuring Spirituality and Spiritual Emptiness: Toward Ecumenicity and Transcultural Applicability'. *Review of General Psychology*, 11 (1) pp. 62-74.

- Funston, J. (1980). *Malay Politics in Malaysia: A study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Glock, Charles and Stark, Rodney. (1968). *American Piety: The Nature of Religious Commitment*, Berkeley: University of California.
- Glock, Charles, Stark, Rodney. (1965). *Religion and Society in Tension*, Chicago: Rand McNally.
- Gorsuch, Richard. 1988. 'Psychology of Religion'. *Annual Review of Psychology*, 39, pp. 201-221.
- Habib Tiliouine and Abbes Belgoumidi. (2009). 'An Exploratory Study of Religiosity, Meaning in Life and Subjective Wellbeing in Muslim Students from Algeria'. *Applied Research Quality Life*, 4, pp.109-127.
- Hordern, Joshua. (2016). Religion and Culture. (Ethics and Communication Skills). *Medicine*. 44(10), 589-592.
- Ibrahim al Sani'. (1993). *Al Tadayyun `Ilaj al Jarimah*, Riyadh, Saudi Arabia: Jamia'at al Imam Muhammad Ibn Sa`ud al Islamiyah, al Majlis al `Ilmi.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). (2015). *Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15)*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) & Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia. <http://www.iyres.gov.my/images/indeksbeliamalaysia2015/IBM2015full.pdf>.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2015). Putrajaya: Jabatan Statistik Malaysia.
- Krauss, S. E. & Azimi, H. (2005). "Muslim Women and Peace: Toward Understanding the Role of Islamic Religiosity as a Contributor to Nation Building". Manuskrip Tidak Diterbitkan, Institute for Community and Peace Studies (PEKKA), Universiti Putra Malaysia.
- Lilis Suriani Omar. (18 November 2014). Had Umur Belia 15-30 Tahun Bermula 2018. *Utusan Malaysia*.
- Lippman, Laura H., McIntosh, Hugh. (September, 2010). 'The Demographics of Spirituality and Religiosity Among Youth: International and U.S. Patterns'. *IEA Civic Education Study Child Trends Research Brief*, 21, p. 2.
- Mashitah Sulaiman, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly dan Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2011). "Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilainya Dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini". WOCIHAC, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mashitah Sulaiman. (2016). Islamic Resurgence and Religiosity of the Malay Middle and Low Income Classes in Selangor and Kuala Lumpur. PhD Thesis, University of Malaya.

- Mehmet, O. (1990). *Islamic Identity and Development: Studies of the Islamic Periphery*. Kuala Lumpur: Forum.
- Mueller, G. H. (1980). 'Dimensions of Religiosity'. *Sociological Analysis*. 41 (1), pp. 1-24.
- Muhammad Syukri Salleh. (Special Issue - July 2012). 'Religiosity in Development: A Theoretical Construct of an Islamic-Based Development'. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2 (14), p. 269.
- Muller, Max F. (1901). *Lectures on the Origin and Growth of Religions as Illustrated by the Religions of India*, London & Bombay: Longmans, Green & Co.
- Mutalib, H. (1990). *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.
- Mutalib, H. (1993). *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: Singapore University Press.
- Muzaffar, C. (1986). Malaysia: Islamic resurgence and the question of development. *Sojourn*, 1(1), 57-75.
- Muzaffar, C. (1987). *Islamic Resurgence in Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti.
- Nizar al Ta'i. (1985). *Miqyas al Suluk al Dini*, Kuwait: Sharikat al Rubiyah li al Nashr wa al Tawzi.
- Noor, F. (2004). *Islam Embedded*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Norizan Sharif. (2003). "Perpaduan Belia Pelbagai Agama di Malaysia", Dalam *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, M. A. (1983). *The Dynamics of Malay Identity*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pargament, Kenneth I. and Park, Crystal L. (1995). 'Merely a Defense?: The Variety of Religious Means and Ends', *Journal of Social Issues*, 51. pp. 13-32.
- Puente, Cristina de La. (1999). 'The Prayer upon the Prophet Muhammad (*Tasliya*): A Manifestation of Islamic Religiosity'. *Medieval Encounters*, 5 (1), p.121.
- Roff, W. R. (2009). *Studies on Islam and Society in Southeast Asia*. Singapore: NUS Press.
- Safiek Mokhlis. (2009). 'Relevancy and Measurement of Religiosity in Consumer Behavior Research'. *International Business Research*. 2 (3), July, pp. 75-84.
- Shamsul, A. B. (1983). A revival in the study of Islam. *Man*, 18(2), 399-404.
- Shamsul, A. B. (2004). Idea and practice of 'Malayness' in Malaysia. In T. P. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries* (pp. 135-148). Singapore: Singapore University Press.

- Starawarji. (19 April 2009). *Pengertian Kedisiplinan*. (Online posting). <<http://starawaji.wordpress.com/2009/04/19/pengertian-kedisiplinan/>>
- Stump, Roger W. (1986). "Regional Variations in the Determinations of Religious Participation," *Review of Religious Research*, 27(3), 208-255.
- The Religious Literacy Project. (2018). *Religious Influences are Embedded in Cultures: The Religious Literacy Project*. Harvard, U.S.: Harvard Divinity School. <https://rlp.hds.harvard.edu/religious-influences-are-embedded-cultures>.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Lilah Yasin. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *GEOGRAFIA: Online Malaysian Journal of Society and Space*. 12 (10), pp.183 – 194.
- Ventis, W. Larry. (1995). 'The Relationships between Religion and Mental Health'. *Journal of Social Issues*, 51. pp. 33-48.
- Wilde, A. and Joseph, S. (1997). 'Religiosity and Personality in a Moslem Context'. *Personality and Individual Differences*, 23 (5), pp. 800–900.
- Wulff, D.M. (1997). *Psychology of Religion: Classic and Contemporary*. (2nd ed.). New York: Wiley & Sons.
- Yinger, John Milton. (1970). *The Scientific Study of Religion*. New York: Macmillan Publishing Co.
- Zawawi Ahmad. (1984). *Kaedah dan Teknik Pengajaran: Pendidikan Islam*. Petaling Jaya: International Book Service.